

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JUNE 2016

ICT pacu ekonomi domestik

Um - 17/6/2016

Oleh KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 16 JUN

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, kekuatan ekonomi domestik berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta ekonomi digital perlu dijadikan asas untuk mendepani situasi global yang dijangka tetap mencabar tahun hadapan.

Perdana Menteri berkata, ekonomi yang berpandukan inovasi dan kreativiti wajar dijadikan hala tuju untuk meningkatkan momentum pertumbuhan ekonomi negara.

“Menurut jangkaan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), tahun 2017 akan turut menjadi tahun yang mencabar. Pertumbuhan global dijangka meningkat hanya dari 3.2 peratus pada 2016 kepada 3.5 peratus pada 2017.

“Sehubungan itu, kita mesti mengambil peluang daripada kemajuan sains dan teknologi serta menyuntik semangat inovasi dan kreativiti dalam kalangan usahawan kita untuk meningkatkan ekonomi domestik,” katanya ketika berucap dalam Majlis Konsultasi Bajet 2017 di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah dan Gabenor Bank Negara, Datuk Muhammad Ibrahim.

Hadir sama, kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk



NAJIB TUN RAZAK diiringi Ahmad Husni Hanadzlah semasa menghadiri majlis Majlis Konsultasi Bajet 2017 bertemakan Merencanakan Pertumbuhan, Memastikan Pengurusan Fiskal Berhemat, Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Chua Tee Yong dan Datuk Johari Abdul Ghani.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kadar produktiviti tenaga kerja juga perlu ditingkatkan dalam usaha ke arah menjadi negara maju selain menawarkan latihan untuk pekerja-pekerja yang dilengkapkan kemahiran baharu.

“Kadar peningkatan pelaburan asing daripada RM9.9 bilion pada suku pertama tahun 2015 kepada RM15 bilion pada suku pertama tahun 2016 adalah tanda keyakinan pelabur-pelabur luar kepada Malaysia,” katanya.

Sementara itu, Najib mem-

beritahu, majlis konsultasi yang dipengerusikan beliau hari ini merupakan platform untuk kerajaan mendapatkan input-input daripada pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi penyediaan Bajet 2017.

Jelas beliau, tema konsultasi bajet pada tahun ini adalah “Merencanakan Pertumbuhan, Memastikan Pengurusan Fiskal Berhemat, Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat.”

“Saya juga dimaklumkan bahawa lebih daripada 90 institusi telah mengemukakan memorandum masing-masing yang meli-

puti isu-isu makro, sektoral dan sosial.

“Besarlah harapan saya agar memorandum yang dikemukakan serta perbincangan pada pagi ini akan dapat mencetuskan idea baharu bagi merencanakan lagi usaha transformasi negara sebagai sebuah negara maju yang inklusif dan mapan,” katanya.

Beliau memberitahu, setiap isu yang dibangkitkan dan cadangan yang dikemukakan bakal diteliti dalam mesyuarat Kumpulan Fokus akan datang untuk dipertimbangkan dalam penyediaan Bajet 2017.



Sehubungan itu, kita mesti mengambil peluang daripada kemajuan sains dan teknologi serta menyuntik semangat inovasi dan kreativiti dalam kalangan usahawan kita untuk meningkatkan ekonomi domestik.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri